



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

IKLAN JAWATAN KOSONG

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) ialah Universiti Awam (UA) berteraskan keusahawanan yang mengutamakan pendidikan keusahawanan dalam tiga kelompok bidang pengajian iaitu keusahawanan & perniagaan, teknologi kreatif & warisan dan agro-industri & sains sumber asli sejajar dengan visi dan misi yang telah ditetapkan.

Universiti memerlukan individu yang boleh bekerja dengan pengawasan yang minimum (*independent*), bekerja dalam satu pasukan (*teamwork*), dinamik, kreatif dan inovatif untuk membangun universiti. Individu yang berkelayakan dipelawa untuk mengisi jawatan-jawatan seperti berikut :

JAWATAN BUKAN AKADEMIK

BIL.	NAMA JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN
1	PENGAWAL KESELAMATAN	KP11	KONTRAK

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMK berasaskan kepada kelayakan, pengalaman kerja atau kemahiran yang mana berkaitan.

IMBUHAN DAN ELAUN BERKAITAN (BERDASARKAN GRED GAJI)

Antara Imbuan Tetap yang diberikan adalah termasuk Imbuan Tetap Perumahan/ Imbuan Tetap Khidmat Awam/ Imbuan Tetap Keraian dan lain- lain elaun yang berkuatkuasa.

TARAF JAWATAN

Jawatan ini adalah lantikan secara **KONTRAK**.

SYARAT KEWARGANEGARAAN DAN UMUR (PADA TARIKH TUTUP IKLAN)

Pemohon hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia dan calon- calon lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan tidak melebihi 40 tahun pada tarikh lantikan.

CARA MEMOHON

Borang permohonan boleh diisi secara online di <http://jobs.umk.edu.my/>. (Pemohon tidak perlu menghantar salinan *hardcopy* borang permohonan).

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

19 JUN 2018

KETERANGAN AM

- (a) Calon-calun yang berjaya disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan daripada pihak UMK dalam tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh tutup permohonan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.
- (b) **TEMPOH SAH LAKU** permohonan adalah selama **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan. Sebarang permohonan selepas tamat tempoh sahlaku hendaklah menggunakan borang permohonan yang baru.

SYARAT- SYARAT LANTIKAN

JAWATAN : PENGAWAL KESELAMATAN

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GRED GAJI	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
KP11	RM 1,205.00	RM 2,939.00	RM 80.00

- (a) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00) atau;
- (b) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstanbel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00) dan;
- (c) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja); 322/615
 - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.
- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.